

05 MAR 2001

Mahathir-Perpaduan (Bergambar)

PELUANG PERTEMUAN UMNO-PAS 50-50, KATA DR MAHATHIR

BUKIT KAYU HITAM, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peluang pertemuan Umno-Pas diadakan bagi membincangkan perpaduan Melayu adalah 50-50.

"Kita hanya mampu berusaha, selebihnya terserah kepada keadaan," katanya ketika ditanya oleh pemberita selepas beliau merasmikan Kota Perdana-Asean Industrial Metropolis 2010 di sini.

Ditanya apakah agenda perbincangan yang akan dibawa oleh Umno semasa pertemuan itu, Perdana Menteri berkata perkara-perkara itu berkaitan dengan perpaduan Melayu.

"Perpaduan Melayu penting bagi mewujudkan perpaduan nasional," katanya.

Mengenai dakwaan Pas kononnya orang Melayu tidak berpecah tetapi cuma berpindah dari Umno kepada parti pembangkang, Dr Mahathir berkata : "Mungkin kalau pindah sahaja tidak mengapa tetapi masalahnya sekarang perpecahan berlaku secara mendalam.

"Kalau pindah, tak musuh ketat tak mengapa. Tapi sekarang orang Melayu berpecah secara mendalam," katanya.

Ditanya bagaimana isu perpecahan itu boleh diatasi memandangkan pengikut parti masing-masing mempunyai fahaman politik yang berbeza, beliau berkata perbezaan fahaman politik memang wujud tetapi apabila kepentingan Melayu terganggu, Umno dan Pas patut sama-sama membincangkannya.

Dr Mahathir juga menolak tanggapan sesetengah pihak kononnya Umno cuba memerangkap Pas dengan mengajaknya berbincang.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata kerajaan akan hanya mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terliabt dengan demonstrasi jalanan untuk menggulingkan kerajaan jika ada bukti yang cukup.

Ditanya sama ada trend menyaman akhbar melibatkan tuntutan jutaan ringgit satu tindakan sihat atau tidak sihat, Dr Mahathir berkata ia merupakan "trend yang sihat dan tidak sihat".

"Kalau akhbar siarkan laporan tidak betul dan saman yang dikenakan rendah, mereka boleh bayar saman itu dan buat lagi laporan tidak betul. Tapi kalau saman terlalu tinggi, ia pula tidak munasabah," katanya.

-- BERNAMA

JM MAN MAI